

Um 23 NOV 1999

# BN perlu menang

PUTRAJAYA 22 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan sekali lagi Barisan Nasional (BN) memerlukan kemenangan majoriti dua pertiga bagi membentuk kerajaan yang kukuh termasuk membela nasib orang Melayu.

Beliau berkata, kemerdekaan sesebuah negara boleh dicabar pada bila-bila masa jika kerajaan yang memerintah tidak kuat dan berpecah belah.

"Kita tidak boleh percaya sekali merdeka, negara kita akan merdeka selamalamanya. Sekali merdeka kita hanya akan merdeka sekiranya kita tahu bagaima-

mana mempertahankan negara kita," katanya.

Pengerusi BN itu berkata demikian ketika berucap pada majlis pertemuan dengan kira-kira 300 ahli Persatuan Bekas Tentera di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan yang dibentuk dengan majoriti tipis tidak akan sekuat kerajaan yang mempunyai kelebihan dua pertiga kerana dalam sebarang keadaan ia boleh ditumbangkan pada bila-bila masa.

"Kita minta dua pertiga bukan mahu menukar perlembagaan. Tetapi kalau tidak ada dua pertiga, ada

cuma 51 peratus, apabila dua tiga orang menyebabkan masuk parti lawan kerajaan akan jatuh," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang kuat juga membolehkan rakyat turut serta dalam pembangunan negara menerusi dasar-dasar ekonomi yang mungkin tidak disenangi oleh kaum-kaum lain di negara ini.

Dr. Mahathir mengambil contoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tidak disenangi oleh kaum bukan bumiputera tetapi dapat diteruskan kerana kerajaan yang memerintah adalah kuat.

Katanya, kerajaan yang bermajoriti kecil tidak akan tegas dan tegas menyebabkan beberapa keputusan penting tidak dapat diambil seperti pelaksanaan cukai yang kurang disenangi golongan tertentu.

"Tetapi kalau kita hanya ada 51 peratus, anggota kita masuk parti lawan, kerajaan jatuh. Jadi kita tidak sanggup membantu dan melaksanakan dasar," katanya.

Beliau berkata, dalam keadaan kerajaan mempunyai majoriti yang besar ketika ini ia tidak akan jatuh sekiranya terdapat anggota parti yang menyertai parti lawan.

## majoriti dua pertiga

Kata Perdana Menteri, BN yang mempunyai 14 parti komponen juga akan tetap gagah sekiranya terdapat dua tiga parti yang menyertai pembangkang.

### Pertahan

Menurutnya, kerajaan yang kukuh juga diperlukan untuk mempertahankan negara yang masih dianggap 'muda' walaupun telah 42 tahun mencapai kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan yang sedia ada telah berjaya menangkis cubaan kuasa luar untuk meruntuhkan kemerdekaan Malaysia

sia, hakikatnya peranan rakyat dalam usaha itu paling diperlukan.

"Kita tahu untuk mempertahankan kemerdekaan memerlukan perpaduan dan keamanan supaya kita tidak tewas seperti yang terjadi kepada beberapa negara baru-baru ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, rakyat mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada kerajaan yang akan dibentuk akan menjadi kuat atau sebaliknya.

Menurut beliau, perpaduan dan keamanan perlu bagi menghalang cubaan pihak tertentu menguasai negara baru-baru ini.

Katanya, usaha pihak berkenaan dapat dilihat di negara jiran apabila ada cubaan memisahkan bahagian-bahagian di negara berkenaan untuk merdeka.

Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan akan tetap menghargai sumbangan dan jasa anggota tentera termasuk yang telah bersara terutamanya ketika mempertahankan negara daripada ancaman komunis.

Katanya, anggota tentera yang mempunyai disiplin dan semangat yang tinggi telah membantu negara menghapuskan perjuangan gerila komunis

dan turut mendapat perhatian beberapa negara asing.

Beliau turut mengimbau pertemuannya dengan Nelson Mandela yang merasa hairan dengan keupayaan Malaysia menewaskan pasukan gerila dalam usaha membina negara merdeka.

"Pasukan gerila di Afrika kesemuanya berjaya menawan negara-negara di benua itu, tetapi tidak di Malaysia. Kita berjaya menewaskan pasukan komunis kerana pasukan tentera yang walaupun tidak ramai tetapi berdisiplin dan berwibawa," katanya.